

NO. SOALAN : 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB DR. ONG KIAN MING**  
**[ SERDANG ]**

**TARIKH** : **19 MEI 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN** :

**Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa jadual bas tidak diletakkan di kebanyakan perhentian bas (*bus stop*) di Selangor dan Kuala Lumpur dan bila ini akan dilakukan.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah merancang untuk memasang sebanyak 3,000 Panel Maklumat Hentian Bus (*Bus Stop Information Panel*) di kesemua 13 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Lembah Klang yang akan memuatkan maklumat laluan bas dan jadual tambang di setiap hentian bas.
2. Pemasangan panel maklumat ini dijangka bermula pada suku keempat tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD  
IMRAN BIN ABD HAMID (B) [LUMUT]**  
**TARIKH : 19 MEI 2016, KHAMIS**  
**SOALAN : 47**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah WILAYAH** menyatakan status Projek Rintis Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli di Pos Dala Gerik, Pos Betau Kuala Lipis dan Pos Legap di Sungai Siput.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bertanggungjawab terhadap pembangunan masyarakat Orang Asli secara keseluruhannya. Pihak Kementerian merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas keperihatinan Yang Berhormat terhadap pembangunan masyarakat Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek di bawah Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) telah mula dilaksanakan pada tahun 1979 di 17 buah RPS di seluruh Semenanjung Malaysia yang melibatkan 20,410 orang penduduk Orang Asli.

Bagi projek RPS Dala di Gerik, RPS Betau di Kuala Lipis dan RPS Legap di Sungai Siput, Kementerian melalui JAKOA telah melaksanakan pelbagai projek pembangunan infrastruktur dan pembangunan ekonomi di kawasan ini. Di antara kemudahan infrastruktur yang disediakan adalah seperti kemudahan rumah kediaman, bekalan elektrik, bekalan air bersih, kemudahan asas seperti balairaya, sekolah dan sebagainya.

Di bawah program pembangunan ekonomi, JAKOA dengan kerjasama RISDA telah membangunkan RPS Dala, RPS Betau dan RPS Legap dengan projek tanaman getah dan kelapa sawit. Sehingga kini, jumlah keluasan ladang tanaman getah dan sawit yang telah dibangunkan adalah seperti berikut:

- i. Seluas 1,200 hektar telah dibangunkan dengan tanaman getah dan kelapa sawit dengan jumlah peserta seramai 351 orang di RPS Dala;
- ii. Seluas 905.42 hektar telah dibangunkan dengan ladang getah di RPS Betau dengan jumlah peserta seramai 524 orang; dan
- iii. Seluas 400 hektar telah dibangunkan dengan tanaman kelapa sawit dengan jumlah peserta seramai 178 orang.

Tuan Yang Di Pertua,

Hasil keuntungan daripada projek perladangan ini akan diagihkan sebagai dividen kepada peserta Orang Asli yang terlibat dengan purata pendapatan di antara RM400.00 hingga RM500.00 sebulan. Selain itu, pembangunan di kawasan-kawasan RPS ini akan terus dilaksanakan dari masa ke semasa bergantung kepada keperluan dan permintaan penduduk setempat, keluasan tanah dan jumlah peruntukan yang diluluskan.